

## MENGADAPTASI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT DARI SUDUT FILANTROPI OLEH HOTEL PATUH SYARIAH DI MALAYSIA: SATU KERANGKA KONSEP

Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong<sup>a\*</sup>, Nur Hafizah Harun<sup>b</sup>, Shofiyyah Moidin<sup>c</sup>,  
Norazlina Mamat<sup>d</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
syukri@uitm.edu.my

<sup>b</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
hafizahharun@uitm.edu.my

<sup>c</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
shofiyyah@uitm.edu.my

<sup>d</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
norazlinamamat@uitm.edu.my

\*Corresponding Author

### Article info

Received:  
13/01/2022  
Received in revised form:  
25/02/2022  
Accepted:  
28/02/2022  
Available online:  
01/03/2022

Keywords:  
Filantropi;  
Hotel Patuh Syariah;  
Syariah;  
Tanggungjawab Sosial  
Korporat

### Abstrak

Menurut statistik terkini, sejumlah 724 buah hotel telah berjaya memperoleh sijil halal JAKIM. Walaubagaimanapun, daripada jumlah tersebut hanya beberapa buah hotel sahaja yang boleh diklasifikasikan sebagai Hotel Patuh Syariah (HPS). Sesebuah hotel akan dikategorikan sebagai patuh Syariah sekiranya memenuhi keperluan Syariah dari sudut pengurusan operasi, perkhidmatan, penyediaan makanan halal, aliran wang tunai dan juga kemudahan infrastruktur. Namun begitu dalam aspek aliran wang tunai, tanggungjawab sosial korporat (TSK) dari sudut filantropi kurang diberi penekanan dalam penilaian terhadap Hotel Patuh Syariah. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menilai kriteria-kriteria Hotel Patuh Syariah dari sudut tanggungjawab sosial korporat melalui filantropi. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian literatur dan dokumen berkaitan pematuhan Syariah dalam pengurusan hotel. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis, memeriksa dan memilih data secara sistematik dan objektif bagi menghasilkan satu rangka kerja konseptual mengenai Hotel Patuh Syariah. Hasil kajian ini mendapati bahawa konsep tanggungjawab sosial korporat dari sudut filantropi tidak diberi perhatian yang sewajarnya dalam pengurusan dan operasi Hotel Patuh Syariah. Justeru, diharap kajian ini dapat membantu pengusaha hotel untuk menerapkan konsep tanggungjawab sosial korporat dari sudut filantropi dalam operasi Hotel Patuh Syariah.

---

## ADAPTING CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY FROM A PHILANTHROPIC PERSPECTIVE BY SHARIAH-COMPLIANT HOTELS IN MALAYSIA: A CONCEPTUAL FRAMEWORK

### Abstract

According to the latest statistics, a total of 724 hotels have successfully obtained JAKIM halal certification. Out of the total, only a few hotels can be classified as Shariah Compliant Hotels (HPS). A hotel will be categorized as Shariah compliant if it meets Shariah requirements in terms of operational management, services, halal food preparation, cash flow and infrastructure facilities. However, in terms of cash flow, corporate social responsibility (CSR) from a philanthropic point of view is given less emphasis in the evaluation of Shariah-compliant hotels. Therefore, the purpose of this study is to evaluate the criteria of Shariah-compliant hotels in terms of corporate social responsibility through philanthropy. This study uses the content analysis method through literature review and documents related to Shariah compliance in hotel management. This method is used to analyze, examine, and select data systematically and objectively to produce a conceptual framework on Shariah-compliant Hotels. The results of this study found that the concept of corporate social responsibility from a philanthropic point of view is not given proper attention in the management and operation of Shariah-compliant hotels. Therefore, it is hoped that this study can help hotel operators to apply the concept of corporate social responsibility from a philanthropic point of view in the operation of Shariah-compliant hotels.

Keywords: Corporate Social Responsibility; Philanthropy; Shariah Compliant Hotel; Syariah

### PENGENALAN

Pelancongan mesra Muslim kini menjadi salah satu daripada trend pelancongan yang semakin mendapat tempat di hati pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang menerajui industri halal global memberikan kelebihan dalam merangka strategi bagi membangunkan industri pelancongan negara. Malaysia kini menduduki tempat pertama di antara negara pilihan utama bagi pelancong Muslim selain dari negara-negara timur seperti Emiriah Arab Bersatu, Turki, Thailand, Tunisia, Indonesia, Azerbaijan, Jordan, Singapura, Albania. *State of Islamic Economy Report 2020/2021* melaporkan bahawa perbelanjaan Muslim untuk perjalanan meningkat 2.7% pada tahun 2019 kepada \$194 bilion dari \$189 bilion pada tahun 2018 (Dinar Standard, 2020). Dengan kesan krisis COVID-19, perbelanjaan Muslim untuk perjalanan dijangka turun menjadi \$ 58 bilion pada tahun 2020 dan membuat pemulihan ke tahap 2019 pada tahun 2023 (Muhammad S et al, 2021).

Di Malaysia, penglibatan industri hotel dalam menyediakan kemudahan dan kriteria selari dengan nilai-nilai Islam secara tidak langsung telah lama wujud. Antara kriteria Hotel Patuh Syariah (HPS) ialah hotel perlu menyediakan makanan serta minuman halal di restoran, penanda arah kiblat yang jelas dan sejadiah serta naskhah Al-Quran dalam bilik penginapan. Selain itu, pengasingan kemudahan kolam renang dan gimnasium untuk wanita dan lelaki atau menyediakan jadual waktu khas untuk wanita Islam menggunakan kemudahan tersebut (Bernama, 2019). Oleh itu, sebagai usaha terhadap pembentukan HPS di Malaysia, terdapat beberapa buah hotel yang menyediakan kemudahan asas bagi memenuhi keperluan pelancong beragama Islam yang dikenali sebagai HPS. Kebanyakan hotel ini terletak di Kuala Lumpur, Shah Alam dan Kelantan seperti PNB Darby Park Hotel dan Putra Hotel di Kuala Lumpur, UiTM Hotel, Shah Alam dan Ansar Hotel di Kelantan (Samori & Rahman, 2013).

Melihat kepada kriteria HPS, ianya lebih banyak tertumpu kepada kemudahan infrastruktur dan kualiti perkhidmatan patuh Syariah. Namun tumpuan terhadap tanggungjawab sosial korporat (TSK) dari sudut filantropi kurang diberi perhatian dan dilaksanakan di Malaysia oleh sektor perhotelan. TSK atau sangat akronim dengan perkataan CSR (*Corporate Social Responsibility*) tidak mempunyai satu definisi yang khusus disebabkan berubahnya masa dan pendekatan pembangunan TSK itu sendiri (Sum et al., 2015) serta bergantung bagaimana seseorang mentafsirkannya. Menurut Blairs (1972), TSK bermaksud tanggungjawab atau etika kepada personaliti yang dikategorikan mampu untuk bertindak balas terhadap tanggungan yang telah ditetapkan oleh undang-undang atau prinsip-prinsip etika.

Secara umumnya, filantropi merupakan satu usaha dan bentuk derma kepada umat Islam yang kurang berkemampuan dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka ke arah yang lebih baik samada melalui zakat, infak, sedekah dan wakaf. Peranan filantropi dalam Islam bukan hanya bertujuan untuk membantu orang-orang miskin bertambah baik, tetapi juga sebahagian dari dasar negara yang boleh digunakan untuk menyokong pembangunan ekonomi (Nasution, 2006). TSK secara umumnya ialah komitmen sesebuah organisasi untuk beroperasi secara ekonomik dan mengambil kira keadaan persekitaran sosial di sekeliling mereka (Che Man, 2011). TSK dari sudut filantropi perlu dilihat sebagai satu medium yang berperanan dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan bukanlah hanya berpaksikan kepada keuntungan yang maksimum semata-mata. Oleh itu, HPS sebagai satu badan perniagaan yang sentiasa menjadi tumpuan dalam sektor pelancongan halal sewajarnya lebih banyak menganjurkan aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan TSK mengikut landasan Islam seperti bantuan pendidikan, sumbangan kewangan dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan tentang pembinaan kerangka konsep serta keperluan TSK dari sudut filantropi sebagai salah satu kriteria tambahan bagi HPS. Di samping itu, kajian ini membincangkan tentang potensi dan kesan TSK dari sudut filantropi kepada pembangunan kebajikan masyarakat dan sekaligus memberi nilai tambah kepada sektor perhotelan patuh Syariah.

## **KAJIAN LITERATUR**

### ***Kriteria Hotel Patuh Syariah***

Kajian lepas telah menggariskan beberapa kriteria utama dalam mengenalpasti ciri sesebuah HPS (Abdul Rahman, 2018; Rahman, 2018; Mansor & Rasit, 2015; Yusof, 2011). Kebanyakan kriteria HPS yang dibahaskan seharusnya mempunyai 5 komponen yang menepati prinsip dan amalan yang dikategorikan sebagai elemen patuh Syariah iaitu (1) sumber manusia, (2) ruangan dan bilik peribadi, (3) kemudahan restoran dan kafeteria, (4) ruang kemudahan awam serta (5) operasi peniagaan. Dalam meneliti komponen ke-5 iaitu operasi peniagaan ianya menyatakan bahawa sumbangan filantropi, transaksi kewangan, pelaburan dan pinjaman mestilah melalui institusi kewangan Islam dan mengeluarkan kadar bayaran zakat mengikut jumlah keuntungan pada tahun tersebut (Marcus, 2014). Menurut Henderson (2010), aspek kewangan hotel juga harus dinilai sebagai salah satu daripada keperluan dalam meletakkan standard HPS. Sebagai contoh, pembiayaan dan pelaburan Islam juga dilihat sebagai salah satu daripada ciri-ciri yang termasuk dalam pengurusan HPS sebagaimana yang diamalkan oleh Hotel Permodalan Nasional Berhad (PNB) (Samori & Sabtu, 2012).

### ***Konsep Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK)***

Tanggungjawab sosial korporat (TSK) secara umumnya bermaksud komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial yang meliputi hak-hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebajikan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya (Abdullah et al, 2019). Konsep TSK dalam Islam berbeza dengan barat. Ini kerana TSK yang dibangunkan oleh Islam adalah berdasarkan kepada pegangan tauhid dan merangkumi pendekatan yang lebih holistik. Nilai moral dan tanggungjawab merupakan satu aspek yang penting dalam transaksi ekonomi Islam kerana ianya mempunyai nilai kerohanian dan menjadikan ianya unik berbanding TSK Barat (Darus et al., 2013; Man & Borhan, 2010). Manakala menurut (Asyraf 2008) konsep tanggungjawab korporat dalam Islam ini merangkumi makna yang luas yang mencakupi dimensi taqwa, di mana sesebuah syarikat korporat itu sebagai sebuah organisasi yang merangkumi sekumpulan individu di dalamnya, memainkan peranan yang penting sebagai hamba dan juga khalifah Allah di muka bumi ini dalam setiap situasi

Secara umumnya, TSK merupakan suatu aktiviti yang melibatkan program korporat, perkara-perkara yang di luar daripada ruang lingkup pencapaian keuntungan seperti melindungi persekitaran, kebajikan pekerja, beretika dalam peniagaan dan terlibat dalam aktiviti komuniti sekeliling (Dusuki, 2008) serta sebagai strategi yang menghubungkan institusi peniagaan dengan masyarakat (Sum et al., 2015). TSK

merupakan salah satu inisiatif yang bijak oleh sesebuah organisasi kerana melalui TSK, organisasi berjaya melaksanakan sesuatu yang mampu memberi impak dan momentum positif kepada masyarakat umum secara keseluruhannya. (Nudin et al, 2021). Selain itu, kebanyakan institusi perniagaan sudah mengetahui kebaikan dan kelebihan TSK ini, namun dari segi pelaksanaannya masih belum sampai kepada tahap yang baik (Retnaningsih, 2015; Sukananda, 2018). Namun begitu, melalui penelitian daripada kajian-kajian lepas, pelaksanaan TSK banyak melibatkan kepada program-program yang dilakukan di perbankan-perbankan Islam.

### ***Konsep Filantropi Menurut Perspektif Islam***

Filantropi (*philanthropy*) berasal daripada bahasa Yunani; iaitu *Philos* (cinta) dan *antropos* (manusia) (Futaqi & Machali, 2018). Gabungan perkataan filantropi secara literalnya membawa maksud hubungan kasih sayang sesama manusia (Christou et al., 2019) dari sudut pemberian (*giving*), perkhidmatan (*service*) dan kesatuan (*association*) secara sukarela untuk membantu pihak yang memerlukan sebagai tanda rasa cinta demi kemaslahatan umum (Latief, 2013; Saripudin, 2016).

Secara istilah, filantropi boleh diertikan sebagai keikhlasan menolong dan memberi sebahagian harta, tenaga mahupun idea, secara sukarela untuk kepentingan orang lain (Futaqi & Machali, 2019). Konsep filantropi adalah lebih meluas kerana ia bertujuan untuk membawa ke arah perubahan dalam kualiti kehidupan manusia, menggalakkan kebajikan, kebahagiaan, kebudayaan sesama manusia (Yusof, et al., 2018; Bremmer, 1960), dan mengembangkan kebaikan secara bersama (Latief, 2013). Filantropi juga sering dikaitkan dengan sikap dermawan atau suka membantu. Namun konsep dermawan yang diketengahkan berbeza dengan konsep derma yang lebih membawa maksud kepada pemberian dana untuk bantuan jangka pendek. Filantropi pula lebih tertumpu kepada pemberian jangka panjang yang menuju kepada akar permasalahan iaitu penyebab kepada kemiskinan atau ketidaksetaraan (Fauzia, 2017).

Di dalam agama Islam, filantropi bukanlah satu perkara yang baru malah telah wujud selari dengan perkembangan ajaran Islam itu sendiri. Menurut Rahardjo (2003), filantropi merupakan satu ajaran yang sememangnya wujud dan menjadi doktrin dalam agama Islam. Dasar filantropi Islam berasal dari Al-Quran iaitu Surah Al-Ma'un ayat 1-7, yang bermaksud:

*“Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? Maka itulah orang yang mengherdik anak yatim, dan tidak memberi makan orang miskin, maka celakalah orang yang solat, iaitu orang-orang yang lalai terhadap solatnya, yang berbuat riak, dan enggan (memberikan) bantuan.”*

(Al-Ma'un: 1-7)

Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan salah satu tanda bagi orang yang mendustakan agama ialah orang yang taat beribadah namun enggan menyantuni, membantu mahupun peduli terhadap anak yatim dan orang miskin yang menunjukkan adanya konsep sosial keagamaan. Filantropi Islam boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu zakat, wakaf, infaq, sedekah dan hibah atau dikenali juga sebagai hadiah (Purwatiningsih & Yahya, 2018; Futaqi & Machali, 2019) yang berperanan penting dalam ekonomi kerana melalui instrumen ini mampu untuk mengagihkan pendapatan daripada golongan kaya kepada golongan miskin (Suhaimi, 2017). Selain mampu meningkatkan kesejahteraan dari segi ekonomi, instrumen ini juga boleh melahirkan sikap kasih sayang dan tolong menolong dalam kalangan masyarakat.

### ***Tanggungjawab Sosial Korporat dari Sudut Filantropi***

Terdapat empat elemen tanggungjawab yang perlu diterapkan dalam TSK iaitu (1) ekonomi, (2) perundangan, (3) etika dan (4) filantropi (Hariyanto & Gunawan, 2018; Madinah et al., 2018). Oleh itu, dalam melaksanakan TSK secara sempurna, kesemua elemen berikut perlu diambil kira secara

menyeluruh dan seimbang (Hariyanto & Gunawan, 2018; Madinah et al., 2018; Samuel & Wijaya, 2010).

Tanggungjawab ekonomi bermaksud institusi perniagaan yang bertanggungjawab untuk menghasilkan pulangan atau keuntungan kepada pemilik ataupun pemegang saham (Punitha & Rasdi, 2013). Tanggungjawab perundangan pula ialah menuntut institusi perniagaan untuk memenuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan atau badan-badan yang berkaitan untuk kepentingan masyarakat (Carroll, 1991; Mullerat & Brennan, 2011). Seterusnya, tanggungjawab etika merupakan satu komponen yang berkaitan dengan undang-undang yang mana sesebuah syarikat perlu mengekalkan kelestarian persekitaran untuk generasi akan datang dan menerapkan moral serta nilai-nilai murni yang selari dengan masyarakat dan tanggungjawab yang terakhir iaitu filantropi yang perlu menengahkan soal kebajikan dan menyebarkan nama baik melalui program kemanusiaan atau sukarelawan yang mencakupi aktiviti sosial, pendidikan, rekreasi dan tujuan kebudayaan (Rashid et al., 2014).

Menurut Kamarujjaman dan Uddin (2015), beberapa praktis elemen TSK filantropi berlandaskan Islam yang pernah dilaksanakan antaranya ialah zakat, kebajikan pekerja, pemantauan pelaburan, tapisan pelanggan dan kontraktor, aktiviti amal kebajikan, pengurusan wakaf dan pinjaman tanpa faedah (*qard hasan*). Elemen-elemen ini bukan sahaja menjaga kebajikan masyarakat termasuk para pekerja itu sendiri malah mencakupi aspek persekitaran yang merupakan satu elemen yang wajib dipelihara. Walaupun aktiviti TSK filantropi bertujuan untuk menjaga kebajikan namun perlulah dipantau agar seiring dengan tuntutan Syariah dan tidak melanggar mana-mana perkara yang dilarang oleh agama.

Berdasarkan daripada penelitian kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa kriteria pembiayaan Islam adalah salah satu daripada kemestian dalam sesebuah operasi perniagaan seperti sektor perhotelan untuk layak diiktiraf sebagai HPS. Penyelidik juga mendapati bahawa kajian tentang filantropi yang dijalankan oleh HPS masih tiada di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengadaptasi kerangka konsep filantropi yang sesuai untuk dijalankan oleh pihak HPS sekaligus menjadi salah satu kriteria baru sebagai kayu pengukur kepada HPS dan kesan kepada komuniti masyarakat.


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan melalui kajian literatur dan dokumen berkaitan pematuhan Syariah dalam pengurusan hotel. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis, memeriksa dan memilih data secara sistematik dan objektif bagi menghasilkan satu rangka kerja konseptual mengenai Hotel Patuh Syariah.

Pemilihan artikel dan dokumen berkaitan dengan pematuhan Syariah dalam pengurusan hotel dibuat berdasarkan kepada topik perbincangan dan pencarian kata kunci yang memenuhi skop kajian yang terdiri daripada industri perhotelan, hotel patuh Syariah dan TSK.

## **KERANGKA KONSEP TSK DARI SUDUT FILANTROPI**

Dalam memahami TSK dari sudut filantropi, satu adaptasi kerangka konsep telah dibina (Rajah 1). Kerangka konsep ini dibina berdasarkan kajian literatur dan analisis kandungan berkenaan dengan kriteria HPS. Dalam kerangka konsep ini juga akan menjelaskan hubungan kait di antara HPS dengan komuniti masyarakat melalui medium filantropi yang melalui empat peringkat bermula dari Peringkat 1: Komponen kriteria Hotel Patuh Syariah; Peringkat 2: Pembahagian tanggungjawab sosial korporat; Peringkat 3: Impak kepada pelanggan atau masyarakat dan terakhir Peringkat 4: Kitaran semula antara pelanggan kepada HPS.



**Rajah 1.** Kerangka Konsep Bagi Tanggungjawab Sosial Korporat Dari Sudut Filantropi Dalam Hotel Patuh Syariah

Sumber: Penulis

***P1- Peringkat 1 (Komponen kriteria Hotel Patuh Syariah)***

Kriteria HPS bukan sahaja terhadap kepada kriteria penyediaan makanan halal dan kemudahan fasiliti awam sahaja tetapi wujud kriteria-kriteria lain (MS2610: 2015). Dalam dapatan kajian lepas mendapati bahawa salah satu daripada kriteria HPS juga melihat kepada aspek ekonomi yang mana perlu berteraskan kepada prinsip kewangan Syariah. Menurut Saad et al. (2014) dan El-Gohary (2016) menyatakan salah satu daripada kriteria HPS ialah dengan menggunakan dana pembiayaan kewangan Islam dalam pembinaan HPS dan sewaktu menguruskan perniagaan. Dana untuk menubuhkan dan menjalankan operasi HPS mestilah diperolehi daripada pendapatan halal dan bukan dari pinjaman bank dengan faedah (Marcus, 2014).

Kriteria kewangan Islam ini merangkumi pemasaran etika dan promosi, strategi TSK, filantropi, sumbangan derma, zakat dan urusniaga dan pelaburan mengikut prinsip dan syarat yang ditetapkan oleh

perbankan, perakaunan dan institusi kewangan Islam. Tambahannya lagi, sejauh mana pembiayaan kewangan Islam masih digunakan, pemilik HPS mesti menyumbang sebahagian keuntungan pendapatan kepada zakat (Samori & Rahman, 2013).

Tidak dinafikan bahawa komponen pembiayaan kewangan ini penting kerana dalam memastikan sektor perhotelan terus berkembang ia memerlukan kekuatan daripada sumber kewangan. HPS juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan negara. Pembangunan industri ini turut dipengaruhi faktor-faktor lain antaranya destinasi pelancongan, kemudahan pengangkutan, tahap keamanan negara, kestabilan ekonomi dan pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan. Justeru, melihat kepada perkembangan ini, sektor perhotelan boleh memberi impak kepada masyarakat yang mana juga berpotensi menjadi pelanggan mereka sama ada dari sudut ekonomi dan juga sudut sosial.

## ***P2- Peringkat 2 (Pembahagian tanggungjawab sosial korporat)***

Tanggungjawab sosial korporat terbahagi kepada empat aspek iaitu (1) etika, (2) perundangan, (3) filantropi dan (4) ekonomi (Hariyanto & Gunawan, 2018; Madinah et al., 2018). Manakala sumbangan TSK dari sudut filantropi terhadap komuniti pula dapat disalurkan kepada dua bahagian iaitu (1) sumbangan dalam bentuk bukan kewangan dan (2) kewangan. Sumbangan filantropi dalam bentuk bukan kewangan dapat direalisasikan melalui pendidikan, sosial, rekreasi dan kebudayaan. Dari sudut pendidikan, antara bentuk sumbangan yang dapat disalurkan adalah dengan memberikan latihan percuma kepada kakitangan sekolah atau pelajar, menyediakan sumbangan makanan kepada pelajar dan menambah baik infrastruktur sekolah (Chilufya et al., 2019).

Dari sudut sosial pula, bentuk sumbangan yang dapat diberikan adalah menganjurkan kempen kesedaran awam, membersihkan pantai atau sungai serta memberi pakaian atau makanan kepada golongan yang memerlukan. Sebagai contoh hotel lima bintang di Hong Kong telah mengamalkan CSR dalam bentuk memberikan makanan serta hadiah kepada badan-badan kebajikan (Kucukusta et al., 2013). Malah Kucukusta et al. (2013) menambah para majikan boleh membuat kempen untuk menggalakkan pekerja mereka bagi melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial yang boleh melatih diri mereka untuk berbakti kepada masyarakat dan bukan sekadar bekerja untuk meningkatkan kualiti hidup.

Seterusnya dari sudut rekreasi, antara bentuk pelaksanaan TSK adalah seperti program penggunaan bahan mesra alam, aktiviti menanam pokok (Kucukusta et al., 2013), kempen sayangi bumi, larian amal dan sukan tahunan. Aktiviti TSK ini bukan sahaja baik untuk meningkatkan kualiti hidup yang sejahtera malah boleh membantu menyelamatkan alam dan persekitaran. Sebagai contoh sesebuah hotel boleh mengadakan satu hari untuk penanaman pokok atau pelepasan anak ikan di sekitar kawasan hotel mereka serta mengajak para pelanggan dan masyarakat setempat untuk bersama-sama menyertai program tersebut. Secara tidak langsung masyarakat dapat mengenali dan menghayati keindahan hotel dan menarik minat mereka untuk menginap di sana.

Pelaksanaan TSK turut dapat dilaksanakan melalui kebudayaan seperti mengadakan program antara kaum bersesuaian dengan negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum. Menurut Chilufya et al., (2019) pelaksanaan TSK boleh dilakukan dengan mengadakan program rekreasi yang memfokuskan kepada warisan dan budaya tradisional (Chilufya et al., 2019). Dengan adanya program ini bukan sahaja dapat memupuk silaturrahim malah dapat lebih mengenali budaya sesuatu kaum tersebut serta dapat mempamerkan keunikan negara kita terutamanya kepada pelancong luar. Sebagai contoh, Hotel Blue Wave yang terletak di Shah Alam telah menganjurkan program TSK dengan meraikan perayaan Tahun Baru Cina untuk warga emas kaum Cina (Sakdon, 2019). Bukan itu sahaja, hotel ini turut mengadakan program iftar yang dinamakan 'Grand Iftar Blue Wave Hotel Shah Alam Iftar Charity' untuk meraikan anak-anak yatim (Mytravellicious, 2017).

Sumbangan dalam bentuk kewangan pula dapat diperincikan kepada zakat, sedekah, hibah dan wakaf di mana ketiga-tiga bentuk sumbangan ini akan disalurkan kepada golongan yang memerlukan seperti

golongan fakir, miskin, muallaf, anak yatim dan orang-orang tua. Namun bagi zakat sudah terdapat golongan sasaran tersendiri yang dinyatakan di dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang meliputi 8 asnaf; amil, fakir, miskin, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, gharimin (orang yang berhutang) dan juga riqab (hamba) (Damayanti, 2018). Kebanyakan industri yang berlandaskan Islam akan memperuntukkan 2.5% daripada hasil keuntungan sebagai pembayaran zakat (Che Man, 2011). Hal ini merupakan perkara utama yang perlu dilaksanakan kerana pembayaran zakat perniagaan merupakan tuntutan utama dalam Islam. Daripada jumlah tersebut, pihak pengurusan boleh mengagihkan kesemuanya kepada asnaf atau menyerahkan kepada pihak institusi untuk diagihkan. Sebagai contoh, Bank Muamalat Malaysia Berhad telah memperuntukkan 1/3 dari dana zakat untuk membiayai program-program TSK manakala selebihnya akan diserahkan kepada pusat pungutan zakat untuk diuruskan (Che Man, 2011).

Manakala pengamalan aktiviti wakaf sebagai TSK bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Telah banyak pihak industri yang mula bergiat dalam melaksanakan program wakaf seperti program mewakafkan Al-Quran (Sinarmas, 2018; Aries & Zuhri, 2016). Namun berbeza pula pendekatan yang dilakukan oleh pengurusan Hotel De Palma yang mana hotel ini merupakan satu-satunya hotel di negara kita yang mewakafkan penggunaan surau mereka untuk pelaksanaan solat Jumaat pada tiap-tiap minggu dan terbuka bukan sahaja untuk pekerja dan pelanggan hotel bahkan untuk kegunaan masyarakat setempat (PKNS).

### ***P3- Peringkat 3 (Impak kepada pelanggan atau masyarakat)***

Umumnya, pelanggan membuat keputusan untuk menginap di sesebuah hotel atas beberapa faktor seperti mempunyai urusan perniagaan di hotel tersebut, sebagai tempat persinggahan semasa pelancongan dan juga untuk menikmati kemudahan sosial yang ditawarkan (Walker, 2009; Rahman, 2018).

Pelanggan yang menginap di hotel atas urusan perniagaan dikenali sebagai pengembara perniagaan (*business traveller*), di mana mereka menjalankan tugas mereka seperti menghadiri mesyuarat, persidangan dan pameran (Medlik, 2003). Pengembara perniagaan sering melakukan perjalanan secara bersendirian atau bersama rakan sekerja bagi menyelesaikan pekerjaan mereka sebelum pulang ke bilik hotel (He & Findley). Selain itu, terdapat ramai pelanggan yang memilih hotel sebagai tempat penginapan semasa melancong. Melihat kepada trend terkini dalam sektor pelancongan, pelancongan Islam kini dilihat semakin berkembang secara pantas yang mana permintaan dan penawaran terhadap pelancongan ini sering meningkat dari semasa ke semasa (Kamarudin & Ismail, 2012). Hal ini sekaligus meningkatkan permintaan pelanggan terhadap HPS. Terakhir adalah faktor kemudahan sosial yang ditawarkan oleh sesebuah hotel. Sebagai contoh, sesetengah individu menginap di hotel bagi menikmati tawaran kemudahan sosial yang disediakan di hotel tersebut. Ini termasuklah kemudahan gimnasium, kolam renang awam, pakej tawaran bufet dan sewaan dewan untuk penganjuran sebarang acara. Sesetengah organisasi memilih hotel sebagai lokasi untuk menganjurkan majlis persaraan, perkahwinan, seminar, mesyuarat dan majlis makan malam tahunan kerana ianya tampak lebih gah dan eksklusif.

Selain daripada dana bank dan saham daripada pemegang-pemegang saham sesebuah hotel, jumlah pelanggan yang datang menginap akan mempengaruhi keuntungan hotel tersebut. Nama sesebuah hotel akan menjadi terkenal apabila pelanggan mula mengesyorkan hotel tersebut kepada orang lain. Untuk mengukuhkan lagi kedudukan hotel dalam industri perhotelan, pelaksanaan TSK dilihat sebagai medium yang paling berkesan dalam membina nama baik sesebuah hotel. Melihat kepada perbincangan mengenai peranan TSK dalam operasi perniagaan, impak positif TSK terhadap komuniti tidak dapat dinafikan lagi. Ia bukan hanya meliputi impak positif terhadap komuniti, malah pelaksanaan TSK juga dapat memberi manfaat kepada sesebuah organisasi itu sendiri.

Antara impak terhadap komuniti adalah mengeratkan hubungan sesebuah organisasi tersebut dengan komuniti, melindungi alam sekitar, membantu mengurangkan tahap kemiskinan komuniti dan memastikan kelangsungan hak asasi manusia (Maimunah, 2009). Impak terhadap komuniti ini



bergantung kepada aktiviti-aktiviti TSK yang dilaksanakan bersama komuniti. Rangka kerja TSK yang mantap didapati dapat membantu sesebuah organisasi menjadi lebih dikenali di kalangan individu yang mencari pekerjaan.

#### ***P4- Peringkat 4 (Kitaran semula antara pelanggan kepada HPS)***

Selain itu, TSK dari sudut filantropi merupakan satu mekanisme penting dalam memastikan pengaliran wang (*cash flow*) sesebuah organisasi perniagaan dapat disalurkan kepada kebajikan dan keperluan masyarakat sekeliling secara sistematik. Namun begitu sepertimana yang dibincangkan pada peringkat sebelum ini (Peringkat 2), elemen filantropi dalam TSK bukan sekadar hanya dilihat dari sudut kebajikan kewangan semata-mata tetapi dilihat juga pada sudut yang lebih besar impaknya iaitu kebajikan bukan kewangan demi kelangsungan HPS itu sendiri selain keperluan masyarakat. Hal ini kerana tanggungjawab filantropi dalam TSK lebih menyetengahkan soal kebajikan dan menyebarkan nama baik melalui program kemanusiaan atau sukarelawan yang mencakupi aktiviti sosial, pendidikan, rekreasi dan tujuan kebudayaan (Rashid et al., 2014).

Oleh yang demikian, pelaksanaan TSK dari sudut filantropi sama ada dilihat dari aspek kebajikan bukan kewangan mahupun kebajikan kewangan, ianya tetap memberi impak kepada kelangsungan HPS dalam jangka masa yang panjang. Masyarakat sebagai subjek utama kepada pelaksanaan TSK merupakan medium kepada kitaran semula pembangunan HPS. Justeru, pelaksanaan TSK dari sudut filantropi di sektor perhotelan adalah untuk masyarakat, maka dengan kestabilan keperluan dan kebajikan masyarakat, secara tidak langsung mereka juga akan turut menyumbang kepada kelangsungan sektor perhotelan tersebut.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), hotel didefinisikan sebagai bangunan tempat penginapan yang menyediakan makanan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk orang luar yang datang mengunjungi sesuatu tempat. Sepertimana yang telah dibincangkan pada (P3), setiap tujuan pelanggan mengunjungi hotel boleh memberi makna yang berbeza-beza sekaligus memberi kesan kepada pembangunan kewangan perhotelan. Selain daripada kriteria-kriteria yang perlu ada di HPS, pelaksanaan TSK dari sudut filantropi ini menjadi satu nilai tambah kepada pelanggan (masyarakat) untuk melihat bagaimana pengurusan kebajikan masyarakat sekeliling sama ada dari segi pendidikan, rekreasi, aktiviti sosial mahupun kebudayaan (Rashid, Rahman & Khalid, 2014) kerana ianya memberi pulangan yang seimbang (dunia dan akhirat) kepada pelaburan mereka sekiranya diadaptasi oleh HPS seterusnya memilih HPS sebagai destinasi pilihan mereka. Secara tidak langsung ianya menjadi tarikan utama pelanggan sama ada dari luar mahupun dari dalam negara dan meningkatkan produktiviti kewangan serta nama baik HPS. Dengan ini ianya memberi kitaran yang berterusan antara HPS dan masyarakat yang memberi impak jangka panjang kepada kestabilan ekonomi negara. Hal ini selaras dengan hasrat dan objektif Malaysia untuk meningkatkan jumlah pelancong dan menjadikan Malaysia sebagai pelopor hab pelancongan Islam (Rahman, 2018; Kamarudin & Ismail, 2012).

#### **KESIMPULAN**

Perkembangan industri pelancongan di Malaysia telah membuka ruang baru kepada operasi sektor perhotelan yang berteraskan aplikasi HPS. Kajian ini mendapati bahawa adaptasi TSK filantropi sebagai kriteria tambahan adalah bersesuaian dengan kriteria-kriteria yang telah sedia ada dalam penentuan HPS. Sehingga kini, aplikasi TSK filantropi dalam sektor perhotelan masih belum dilihat sebagai satu keutamaan di mana-mana HPS. Oleh yang demikian, cadangan pembinaan kerangka konsep ini diharap mampu untuk memberikan gambaran yang jelas tentang hubungkait di antara sektor perhotelan dengan pelanggan yang mampu menjadi nilai tambah kepada pihak HPS antaranya menjadi hotel pilihan utama dalam kalangan pelanggan Muslim untuk terus setia dalam mendapatkan perkhidmatan perhotelan HPS. Di samping itu, TSK filantropi juga mampu memperkasa HPS sebagai entiti untuk menyetengahkan nilai-nilai Islam seperti konsep tolong-menolong (*ta'awun*), kebajikan (*ihsan*) dan bertanggungjawab (*mas'uliyah*) melalui medium perniagaan. Kajian ini diharap dapat diperluaskan dalam perbincangan

---

lebih khusus melibatkan TSK kebajikan filantropi sama ada kebajikan kewangan atau kebajikan bukan kewangan di masa hadapan untuk memperkasa peranan filantropi hotel patuh Syariah di Malaysia.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman, H. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*, 506-518.
- Abdullah, M. Y., Mohd Noor, M., Mohamad, M. T., Shahrudin, M. S., Mohammad Zaini, M. N., & Norman, M. P. (2019). *Tanggungjawab sosial korporat (CSR): penglibatan institusi perbankan berasaskan Islam terpilih di Malaysia dalam industri wakaf*. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 2(1), 45-54.
- Aries, M., & Zuhri, D. (2016, May 27). *APP Sinarmas Wakafkan 100.000 Alquran*. Retrieved August 30, 2019, from REPUBLIKA.co.id: <https://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/religiusantara/16/05/27/o7t2u5301-app-sinarmas-wakafkan-100000-alquran>
- Asyraf Wajdi, "What Does Islam Say About Corporate Social Responsibility?," *International Association For Islamic Economics* 12 (1)(2008): 5-28.
- Bernama, (2019, Julai 24). Malaysia perkenal Pengiktirafan Premis Penginapan Pelancongan Mesra Muslim. Diperoleh daripada <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1750092>.
- Carroll, A. B. (1991). The pyramid of corporate social responsibility: Toward the moral management of organizational stakeholders. *Business horizons*, 34(4), 39-48.
- Che Man, N. (2011). *Tanggungjawab sosial korporat: analisis perbandingan di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad/Norajila binti Che Man* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Chilufya, A., Hughes, E., & Scheyvens, R. (2019). Tourists and community development: corporate social responsibility or tourist social responsibility? *Journal of Sustainable Tourism*, 1-7.
- Damayanti, A. (2018). Analisis pengendalian internal Organisasi Pengelola Zakat (OPZ) pada LAZNAS "X" di Surabaya dalam rangka meningkatkan efektivitas dan efisiensi organisasi. *Calypra: Jurnal Ilmiah Mahasiswa Universitas Surabaya*, 7(1), 432-445.
- Darus, F., Yusoff, H., Naim, A., Milianna, D., Mohamed Zain, M., Amran, A., ... & Purwanto, Y. (2013). Islamic Corporate Social Responsibility (i-CSR) Framework from the Perspective of Maqasid al-Syariah and Maslahah. *Issues in Social & Environmental Accounting*, 7(2).
- Dinar Standard (2020). *2020/2021 State of The Global Islamic Economy Report: Thriving in Uncertainty*. Page 96-97.
- Dusuki, A. W. (2008). What does Islam say about corporate social responsibility. *Review of Islamic Economics*, 12(1), 5-28.
- El-Gohary, H. (2016). Halal tourism, is it really Halal?. *Tourism Management Perspectives*, 19, 124-130.
- Fauzia, A. (2017). Islamic philanthropy in Indonesia: Modernization, Islamization, and social justice. *Austrian Journal of South-East Asian Studies*, 10(2), 223-236.
- Futaqi, S., & Machali, I. (2018). Pembiayaan Pendidikan Berbasis Filantropi Islam: Strategi Rumah Pintar BAZNAS Piyungan Yogyakarta. *MANAGERIA: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(2), 231-256.
- Hariyanto, L. I., & Gunawan, M. L. (2018). Penerapan Tanggung Jawab Sosial Perusahaan Dan Dampaknya Terhadap Komitmen Afektif Karyawan Hotel Di Bali. *Jurnal Hospitality dan*

- 
- Manajemen Jasa*, 6(2).Jaswir, I. & Ramli, N. (2016). Study on Muslim-Friendly Hospitality in Malaysia. *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*. 59-66.
- He, P., & Findley, (tt). H. M. Understanding The Needs And Wants Of The Business Travelers.
- Henderson, J.C. (2010). Sharia-compliant hotels, *Tourism and Hospitality Research*, 10, 246-254.
- Jabatan Standard Malaysia. (2014). *Malaysian Standard MS2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services – Requirements*.
- Kamarudin, L. M., & Ismail, H. N. (2012). Membudayakan Pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan Isu Islamic Tourism Cultivation in Malaysia: Strategies and Issues.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kucukusta, D., Mak, A., & Chan, X. (2013). Corporate social responsibility practices in four and five-star hotels: Perspectives from Hong Kong visitors. *International Journal of Hospitality Management*, 34, 19-30.
- Latief, H. (2013). Filantropi dan Pendidikan Islam di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Islam UIN Sunan Gunung Djati*, 28(1), 123-139.
- Madinah, D., Rahman, M. R. C. A., Nor, S. M., & Palil, M. R. (2018). Tanggung Jawab Sosial Korporat Terhadap Pekerja Dan Kinerja Ekonomi: Satu Tinjauan. *Jurnal Riset Akuntansi Terpadu*, 11(2).
- Maimunah, S. (2009). Corporate Social Responsibility and Its Role In Community Development: An International Perspective. *The Journal of International Social Research*, 2(9), 199-209.
- Malaysia Tourism Statistics in Brief, (2018). Diperoleh daripada <https://www.tourism.gov.my/statistics>.
- Man, N. B. C., & Borhan, J. T. B. (2010). *Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat: implikasi dan keberkesannya kepada masyarakat*.
- Mansor, S.F & Rasit, R.M. (2015). Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam (Jewaris 2015). 1-10.
- Marcus L. S. (2014). Deciphering ‘Islamic hospitality’: Developments, Challenges and Opportunities. *Tourism Management* 40, 155-164.
- Medlik, S. (2003). *Dictionary of travel, tourism, and hospitality* (3rd ed.). Oxford, UK: Butterworth-Heinemann.
- Muhammad S.M.A.W. M.Zaid D.& N. Hafizah H. (2021), *Islamic Tourism in Malaysia During Covid-19: The Impact and Recovery Plan*. International Halal Management Conference 2021, USIM.
- Mytravellicious. (2017, Jun). *Grand Bluewave Hotel Shah Alam - Iftar Charity Event 1438H/2017M*. Retrieved August 30, 2019, from Mytravellicious Travel Deliciously. Diperoleh daripada <http://www.mytravellicious.com/2017/06/grand-bluewave-hotel-shah-alam-iftar.html>.
- Nasution, M. E. (2006). Zakat Dan Wakaf Sebagai Pilar dalam Sistem Perekonomian Nasional. *Iqtishoduna*, 1(3).
- Nudin, A. B., & Subri, M. R. (2021). *Implikasi Amalan Tanggungjawab Sosial Korporat Berteraskan Islam Terhadap Pekerja*. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 65-83.
- PKNS. (n.d.). *De Palma Hotel*. Retrieved August 30, 2019, from PKNS: <https://www.pkns.gov.my/my/aktiviti/anak-syarikat/de-palma-management-services>.
- Punitha, S., & Rasdi, R. M. (2013). Corporate social responsibility: Adoption of green marketing by hotel industry. *Asian Social Science*, 9(17), 79.
-

- 
- Purwatiningsih, A. P., & Yahya, M. (2019). Literature Review Filantropi Islam antara Tahun 2008 hingga 2018. *Al-Muzara'ah*, 6(2), 129-138.
- Rahardjo, M. D. (2003). *Filantropi Islam dan Keadilan Sosial: Mengurai Kebingunan Epistemologis. Berderma Untuk semua: Wacana dan Praktek Filantropi Islam*. Jakarta: Teraju.
- Rahman, H. A. Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia.
- Rashid, N. R. N. A., Rahman, N. I. A., & Khalid, S. A. (2014). Environmental corporate social responsibility (ECSR) as a strategic marketing initiative. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 130, 499-508.
- Retnaningsih, H. (2015). Permasalahan Corporate Social Responsibility (CSR) dalam Rangka Pemberdayaan Masyarakat. *Jurnal Aspirasi*, 6(2), 177-188.
- Saad, H. E., & Ali, B. N. (2014). Sharia-compliant hotels in Egypt: Concept and challenges. *Advances in Hospitality and Tourism Research (AHTR)*, 2(1), 1-15.
- Sakdon, Z. (2019, February 7). *An afternoon of good food and festive cheer for the elderly*. Retrieved August 30, 2019, from The Star Online: <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2019/02/07/an-afternoon-of-good-food-and-festive-cheer-for-the-elderly/>
- Samori, Z. & Rahman, F.A. (2013). Establishing Shariah Compliant Hotels in Malaysia: Identifying Opportunities, Exploring Challenges. *West East Journal of Social Sciences*. Vol. 2 No 2.
- Samori, Z. & Sabtu, N. (2012). Developing Halal Standard for Malaysia Hotel Industry: An Exploratory Study. *International Halal Conference (INHAC)*, *Procedia Social and Behavioral Sciences* 121, 144-157.
- Saripudin, U. (2016). Filantropi Islam dan Pemberdayaan Ekonomi. *BISNIS: Jurnal Bisnis dan Manajemen Islam*, 4(2), 165-185.
- Semuel, H., & Wijaya, E. (2010). Corporate social responsibility, purchase intention dan corporate image pada restoran di Surabaya dari perspektif pelanggan. *Jurnal Manajemen Pemasaran*, 3(1), 35-54.
- Sinarmas. (2018, May 30). *Wakaf 1000 Mushaf Alquran untuk Muhammadiyah*. Retrieved August 30, 2019, from Sinarmas: <http://www.sinarmas.com/blog/?p=1626>.
- Suhaimi, A. F. (2017). *Sumbangan institusi zakat terhadap fakir dan miskin: Kajian perbandingan antara Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor/Suhaimi*(Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Sukananda, S. (2018). Pendekatan Teori Hukum Refleksif Dalam Menjawab Permasalahan Keterbatasan Pengawasan Terhadap Pelaksanaan Tanggung Jawab Sosial Perusahaan Di Indonesia. *Law and Justice*, 3(1), 12-21.
- Sum, S. M., Ramli, Z., Lyndon, N., Manaf, A. A., Saad, S., & Rose, R. A. C. (2015). Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pembangunan modal sosial komuniti: Kajian kes projek CSR perladangan cili kontrak (CSR and the development of community social capital: A case study of CSR chilly contract farming). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7).
- Thomson Reuters & Dinar Standard (2018). *An Inclusive Ethical Economy State of the Global Islamic Economy*. Dubai: The Capital Of Islamic Economy.
- Walker, J. R. (2009). *Introduction to hospitality*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Yusof, M. F. M., (2011). Hotel Patuh Shariah (Shariah Compliant Hotels) Sebagai Produk Baru Industri Pelancongan Malaysia. *Prosiding PERKEM VI, JILID*, 2, 477-480.
-

Yusof, W. C. W. M., Tajuddin, E. A. E. M., Azmi, S. A. R. S. M., & Alqari, M. Z. A. (2018). Filantropi: Satu Sorotan Dari Sudut Hukum Taklifi. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 12-27.